



Tangani ajaran sesat

USIM lahirkan pakar akidah dan agama

ISU kemunculan kumpulan-kumpulan ajaran sesat dan murtad dalam kalangan orang Islam bukanlah sesuatu yang boleh dipandang mudah. Peningkatan jumlah golongan terpelajar dan profesional yang terjebak dalam kumpulan-kumpulan tersebut menunjukkan ia boleh menjadi epidemik yang mampu menimbulkan perpecahan umat di negara ini.

Menyedari betapa pentingnya menangani masalah tersebut, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menubuhkan program Sarjana Muda Pengajian Akidah dan Agama bagi memperkukuhkan kefahaman tentang kesucian agama Islam dalam kalangan generasi akan datang sekali gus membasmi ajaran sesat yang ternyata bersalahan dari segi akidah Islam.

Menurut Dekan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan USIM, **Profesor Dr. Zulkiple Abdul Ghani**, timbulnya isu murtad menunjukkan terdapat hubung kait antara ketidakefahaman tentang kesucian dan kebenaran agama Islam.

"Justeru program Pengajian Akidah dan Agama di USIM bakal memberikan kefahaman yang sejelas-jelasnya tentang perkara-perkara yang bersangkutan dengan akidah. Selain itu pelajar juga didedahkan dengan pengajian perbandingan agama-agama yang terkandung di dalamnya pelbagai aliran falsafah dan pemikiran," katanya.

Zulkiple turut menekankan bahawa ilmu Pengajian Akidah dan Agama perlu dikaji dan difahami kerana jika tidak, boleh mengakibatkan berlakunya penyelewengan dari sudut akidah.

"Suasana dunia kini dan masa depan semakin mencabar. Banyak isu yang melibatkan asas-asas Islam seperti isu-isu akidah terutamanya perlu ditangani secara bijaksana melalui manhaj Ahli Sunnah wa al-Jama'ah. Oleh itu, graduan program ini perlu dibekalkan dengan kemantapan ilmu akidah yang lebih menyeluruh dan mempunyai integrasi dengan ilmu-ilmu lain seperti Tasawwuf, Falsafah dan Perbandingan Agama," tambah beliau.

Menurut Ketua Program **Professor Madya Dr. Kamaluddin Nurdin Marjuni**,

pengambilan pelajar perintis Program Pengajian Akidah dan Agama bermula pada Jun 2009.

"Selain menguasai ilmu pengajian Islam, kemahiran bahasa terutama Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris turut ditekankan sepanjang empat tahun pengajian. Program juga menekankan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam semua kursus yang ditawarkan bagi menghasilkan graduan yang berkeupayaan menggunakan ICT dalam menjalankan tugas-tugas yang berkaitan.

"Ini bagi memastikan program dapat melahirkan modal insan kelas pertama yang lebih menyeluruh dan mampu mengintegrasikan pengetahuan sains dalam pembelajaran Pengajian Akidah dan Agama sesuai dengan misi dan visi USIM," jelasnya.

Kamaluddin menambah, matlamat utama program adalah untuk menghasilkan graduan yang mampu menghayati nilai-nilai Islam dan mempunyai nilai toleransi umat dan agama.

Namun menurutnya yang paling penting graduan haruslah mampu menggunakan pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari.

"Penekanan aspek *soft skill* dalam pengajaran dan pembelajaran seperti kemahiran komunikasi dan pemikiran kritis dan analitis bakal menyediakan graduan dalam dunia pekerjaan.

"Kajian pasaran mengenai Sarjana Muda Pengajian Akidah dan Agama menunjukkan, selain menjawab jawatan sebagai pendakwah, pendidik, pentadbir dan pegawai di unit haf'ah Islam, graduan juga boleh menceburi sektor-sektor lain seperti perniagaan, kewartawanan, pengurusan, konsultan,

“Suasana dunia kini dan masa depan semakin mencabar. Banyak isu yang melibatkan asas-asas Islam seperti isu-isu akidah terutamanya perlu ditangani secara bijaksana melalui manhaj Ahli Sunnah wa al-Jama'ah

perguruan dan sebagainya,” kata Kamaluddin.

Program Sarjana Muda Pengajian Akidah dan Agama turut menekankan kepada pembinaan lima bidang kepakaran iaitu Akidah dan ilmu kalam, Filsafat Islam, Tasawwuf, perbandingan agama dan pemikiran kontemporari.

Menurut Kamaluddin, komponen pengajian Akidah dan Agama yang dimuatkan dalam program ini adalah setanding dengan program yang seumpamanya di universiti luar negara terutama di Asia Barat.

Katanya, selain menekankan pembelajaran dan pemahaman akidah Islam dari sumber Al-Quran dan sunnah, buku-buku rujukan karya asal ulama terkemuka seperti Imam AF-Ghazali turut digunakan untuk pengajaran dan pembelajaran bagi program ini.

Namun, apa yang membezakan

sistem pengajian di USIM berbanding dengan universiti di Asia Barat adalah elemen-elemen moden dalam pengajian Islam seperti kemahiran komunikasi, kemahiran ICT dan kemahiran bahasa Inggeris yang terdapat pada program yang akan ditawarkan.

Turut ditekankan aspek penyelidikan, khususnya penyelidikan lapangan serta penyebaran ilmu dan libat sama masyarakat.

Program Sarjana Muda Pengajian Akidah dan Agama bakal melahirkan graduan pertama seramai 44 orang pada Majlis Konvokesyen Ke-11 USIM pada akhir November ini.

Zulkiple juga berharap graduan yang dihasilkan daripada Program Sarjana Muda Pengajian Akidah dan Agama berkemampuan menterjemahkan ilmu yang dipelajari kepada amalan praktikal dalam usaha membentuk masyarakat Islam yang mempunyai sahsiah yang luhur dan patuh dengan tuntutan agama Islam.

Ini juga membantu pihak kerajaan membasmi ajaran sesat yang bukan sahaja bersalahan dari segi akidah Islam tetapi juga boleh menimbulkan perselisihan dikalangan umat dalam negara.

Syarat minimum kemasukan ke program Sarjana Muda Pengajian Akidah dan Agama adalah lulus peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau peperiksaan lain yang setaraf dengannya, serta mendapat kepujian sekurang-kurangnya dalam lima mata pelajaran termasuk mata pelajaran Bahasa Malaysia dan Bahasa Arab Tinggi.

Keterangan lanjut mengenai syarat kemasukan ke program Sarjana Muda Pengajian Akidah dan Agama boleh